

myMetro □ Setempat

Pendapatan RM384.85b

Oleh Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor
mohdhelmi@himetro.com.my

A+

A-

Print

KUALA LUMPUR: Syarikat perkhidmatan diisyiharkan sebagai penyumbang terbesar kepada pertumbuhan ekonomi negara selepas mencatatkan nilai pendapatan tertinggi RM384.85 bilion menerusi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lalu.

Ketua Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia, Dr Abdul Rahman Hasan berkata, berdasarkan statistik dikeluarkan, KDNK negara mencatatkan perolehan sebanyak RM881 bilion dengan RM447.5 bilion atau 54.2 peratus adalah daripada nilai syarikat.

"Daripada jumlah itu, syarikat perkhidmatan menyumbangkan 86 peratus atau RM384.85 bilion, syarikat pembuatan (enam peratus), syarikat pembinaan (7.7) dan pertanian (0.3).

"Bagi suku pertama tahun ini, syarikat mencatatkan perolehan KDNK RM245 bilion manakala bagi suku kedua akan dibentangkan Ogos depan. Bancian yang dijalankan tiga hari lalu juga mendapati pergerakan ekonomi negara sedang pesat membangun," katanya.

Beliau berkata, jumlah keseluruhan syarikat yang berdaftar di negara ini sebanyak 662,939 manakala di ibu negara saja bilangannya mencecah 150,000.

Katanya, perangkaan yang dijalankan bagi tahun lalu itu mendapati pelaburan asing langsung (FDI) mencatatkan peningkatan sebanyak RM36.6 bilion berbanding tahun sebelumnya iaitu RM7.5 bilion.

"Sehingga kini, pertumbuhan ekonomi negara juga mencatatkan peningkatan sebanyak 4.7 peratus bagi suku pertama tahun ini dan dijangka terus meningkat hingga akhir tahun ini," katanya ditemui selepas Seminar Kepentingan Pertubuhan Perniagaan Memberi Respons kepada Penyiasatan Ekonomi di sini, semalam.

Seramai 200 peserta terdiri pengarah dan eksekutif syarikat hadir mendengar taklimat terperinci mengenai matlamat penubuhan syarikat dan pembentangan kertas kerja.